

EDISI 2021



INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROGRAM PERAKAUNAN & KEWANGAN

Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) Kajian Kes



MORE INFO

www.ipn.gov.my



Kajian Kes 1

Mesin A dimiliki oleh Jabatan Perhutanan untuk tahun perakaunan berakhir 31 Disember 2016. Nilai mesin A berjumlah RM250,000 pada 1 Januari 2012 dan mempunyai usia guna selama 10 tahun dan nilai sisa sebanyak RM50,000.

Jabatan tersebut juga menggunakan kaedah susut nilai garis lurus bagi mengira susut nilai mesin A. Belanja susut nilai bagi tahun semasa belum diambilkira.

- Nilai sisa bagi mesin A dinilai semula kepada RM20,000 berdasarkan mesin yang sama berusia 10 tahun.

Soalan

1. Berdasarkan maklumat penilaian semula bagaimana susut nilai dikira untuk mesin A.
2. Nyatakan catatan bergu bagi urusniaga berikut.

Pengiraan untuk susut nilai adalah seperti berikut:

- ✓ $\text{RM}250,000 - \text{RM}50,000 = \text{RM}200,000$
- ✓ Susut nilai tahunan $\text{RM}200,000 / 10 \text{ thn} = \text{RM}20,000$
- ✓ Susut nilai terkumpul selepas 5 tahun $\text{RM}20,000 \times 5 \text{ thn} = \text{RM}100,000$
- ✓ Nilai buku sebelum perubahan nilai sisa $\text{RM}250,000 - \text{RM}100,000 = \text{RM}150,000$
- ✓ Susut nilai selepas penilaian semula untuk 5 thn berikutnya adalah $\text{RM}150,000 - \text{RM}20,000 = \text{RM}130,000$
- ✓ Susut nilai ini diperuntukkan kepada tahun semasa dan 4 tahun berikutnya $\text{RM}130,000 / 5 \text{ thn} = \text{RM}26,000$ (**susut nilai baru**)

Catatan bergu untuk thn semasa,

DT	Belanja Susut Nilai	RM26,000	B3134000
KT	Susut Nilai Terkumpul	RM26,000	A3134000

- ✓ Nilai buku pada 31 Disember 2017: $\text{RM}250,00 - \text{RM}126,00 = \text{RM}124,000$

Kajian Kes 2

Sebuah kenderaan bernilai RM150,00 dan susut nilai terkumpul sebanyak RM110,000 dijual dengan harga RM30,000. Situasi ini menyebabkan kerugian atas pelupusan.

Nyatakan catatan bergu bagi pelupusan kenderaan dan pengiktirafan kerugian atas pelupusan.

$$\text{RM}30,000 - (\text{RM}150,000 - \text{RM}110,000) = \\ (\text{RM}10,000)$$

DT	Tunai	RM30,000	A0112000
DT	Kerugian Atas Pelupusan	RM10,000	B0555201
DT	Susut Nilai Terkumpul	RM110,000	A3134000
KT	Kenderaan	RM150,000	A0140000

Kajian Kes 3



IPN mengalami kejadian ribut yang kuat menyebabkan keroasakan atap dan beberapa bilik di tingkat atas tidak dapat digunakan seperti biasa.

Mesyuarat Pengurusan Jabatan X telah memutuskan supaya pembaikan dibuat ke atas atap yang bocor berkenaan. Kos pembaikan atap yang dikenakan oleh pihak kontraktor adalah sebanyak RM10,000.

1. Nyatakan jenis pengiktirafan bagi kos pembaikan atap tersebut?
2. Jika IPN menggantikan atap baru yang mempunyai fungsi menjana tenaga solar, nyatakan pengiktirafan bagi kos penggantian atap tersebut. Jelaskan.

Belanja
Modal

Belanja
Operasi

Belanja
Pembaikan

1. Belanja Operasi – Kotak kuning

2. Belanja Modal – Menambahkan

DT	Belanja Penyelenggaraan	RM10,000	B0228100
KT	Tunai/ Bank	RM10,000	A0112000

DT	Belanja Penyelenggaraan	RM10,000	B0228100
KT	Tunai/ Bank	RM10,000	A0112000

Kajian Kes 4



Makmal di Klinik Parit Baharu membuat pengubahsuaian bangunan pejabat dengan memasang *table top* di ruang menunggu tetamu melibatkan kos sebanyak RM7,000.

Disamping itu, Klinik PB juga membuat penambahan bilik rawatan melibatkan perubahan struktur bangunan bernilai RM20,000.

1. Nyatakan jenis pengiktirafan bagi kedua-dua pengubahsuaian tersebut?
2. Nyatakan catatan bergu.

1. Belanja Operasi

DT	Belanja Penyelenggaraan	RM7,000	B0228100
KT	Tunai/ Bank	RM7,000	A0112000

DT	Bangunan	RM20,000	A0140000
KT	Tunai/ Bank	RM20,000	A0112000

Kajian Kes 5

KKM menyediakan pengimbas ultrabunyi diagnostik kepada hospital milik Kerajaan. Peralatan disediakan dengan waranti yang melindungi hospital daripada kos pembaikan bagi apa-apa kerosakan yang timbul pada tahun pertama selepas pembeliannya. Jika terdapat kerosakan kecil pada semua peralatan yang disediakan, kos pembaikan adalah sebanyak RM1 juta.

Jika terdapat kerosakan besar pada semua peralatan yang disediakan, kos pembaikan adalah sebanyak RM4 juta. Pengalaman masa lampau dan jangkaan masa hadapan makmal menunjukkan bahawa, bagi tahun mendatang, 75% daripada peralatan itu tidak akan mengalami apa-apa kerosakan, 20% daripada peralatan itu akan mengalami kerosakan kecil dan 5% daripada peralatan itu akan mengalami kerosakan besar. Apakah kebarangkalian aliran keluar bagi obligasi waranti secara keseluruhannya. Nyatakan catatan bergu.

Nilai dijangka bagi kos pembaikan ialah:

$$\begin{aligned} &= (75\% \text{ daripada sifar}) + (20\% \\ &\text{daripada } 1 \text{ juta}) + (5\% \text{ daripada } 4 \text{ juta}) \\ &= \text{RM}400,000 \end{aligned}$$

DT	Belanja Penyelenggaraan	RM400,000	B0228100
KT	Peruntukan (Provision)	RM400,000	L0444000

Kajian Kes 6



Bulan	Kadar JANM	Kadar Pasaran
Jan	5.65	5.62
Mac	5.67	5.64

Sebuah kapal KD Tunas Samudera TLDM menjalankan operasi selama 7 tahun di UK, maka permohonan Panjar 3/12 dibuat untuk menyara perbelanjaan sepanjang operasi di sana.

Pada bulan Januari 2019, perbelanjaan sebanyak £200,000 telah dibuat melalui TT. Walaubagaimanapun, baucar perbelanjaan itu dihantar ke KLN untuk tujuan rekumen pada Mac 2019.

1. Nyatakan kerugian pertukaran wang asing.
2. Nyatakan catatan bergu.

Jan 2019 (Perbelanjaan)

£200,000 @ 5.65 = RM1,130,000

Mac 2019 (Rekup)

£200,000 @ 5.67 = RM1,134,000

Kerugian pertukaran mata wang asing RM 4,000

DT	Belanja	RM1,130,000	-
DT	Kerugian Mata wang asing	RM4,000	B0445604
KT	Tunai/ Bank	RM1,134,000	A0112000

Kajian Kes 7

Sekolah A telah mengadakan hari sukan yang ke-37, terjadi peristiwa seorang pelajar telah cedera semasa melakukan aktiviti disebabkan kecuaian pihak sekolah. Pelajar tersebut telah menyaman Sekolah A@Kerajaan Malaysia sebanyak RM100,000 diatas kecuaian tersebut.

Berdasarkan keputusan mahkamah, Kerajaan Malaysia didapati bersalah dan amaun perlu dibayar adalah RM100,000.

Nyatakan pengiktirafan bagi kes tersebut.

Jawapan adalah Liabiliti.

Nota: Jika kebarangkalian Kerajaan akan kalah ~70%, perlu terangkan

Keterangan	Liabiliti	Provision	Kontigen Liabiliti
Adakah wujud obligasi dari peristiwa lampau?	Ya	Ya	Ya
Adakah dijangka akan dibayar?	Ya	Ya	Tidak
Adakah jumlah liabiliti diketahui?	Ya	Tidak, jumlah liabiliti perlu dibuat anggaran	Tidak
Layanan perakaunan	DR Aset/ Belanja	DR Aset/Belanja	Pendedahan di Nota
	CR Liabiliti	CR Provision	
Kesan Ke atas Penyata	Ya	Ya	Tidak

Kajian Kes 8


INSTITUT AKUNTAN NEGARA
JABATAN AKUNTAN NEGARA MALAYSIA

Kementerian A telah memberhentikan seorang pekerja. Beberapa bulan kemudian selepas penamatan, pekerja tersebut telah menyaman Kementerian A kerana tidak berpuashati.

Pada 31 Disember 2018, PUU Kementerian A telah menasihati bahawa Kementerian A berkemungkinan tidak bersalah.

Terdapat perkembangan terhadap kes ini selepas setahun iaitu 31 Disember 2019, PUU Kementerian A berpendapat berkemungkinan Kementerian A adalah bersalah.

Pada 31 Disember 2018

Kementerian harus iktiraf sebagai **CONTIGENT LIABILITY** kerana tiada kebarangkalian bahawa kementerian A harus bertanggungjawab. **NO PROVISION**

Pada 31 Disember 2019

Kementerian harus bertanggungjawab maka **PROVISION** diiktiraf. Amaun yang diiktiraf adalah amaun yang disaman dan disetujui oleh kerajaan.

DT	Belanja (Tuntutan dan Pampasan)	xxxxx	B0244101
KT	Peruntukan (Provision)	xxxxx	L0444000

Soalan 1



Jabatan Pertanian telah membeli alat tulis daripada syarikat ABC. Barang telah diterima pada 24 Disember 20x6 beserta dengan invois. Pembayaran telah dilaksanakan pada tarikh penerimaan barang tersebut.

- (1) Bilakah belanja diiktiraf?
- (2) Nyatakan catatan bergu yang terlibat



Soalan 2

Hospital A mengeluarkan pesanan tempatan bernilai RM15,000 untuk perolehan bekalan ubat pada 21 Disember 20X5 daripada Syarikat Y. Bekalan diterima pada 30 Disember 20X5 dan pembayaran hanya dibuat kepada Syarikat Y pada 16 Januari 20X6.

- (1) Bilakah belanja diiktiraf?
- (2) Nyatakan catatan bergu yang terlibat

Soalan 3

Pada 15 Disember 2015, Jabatan A telah membuat sewaan dewan daripada Syarikat X bernilai RM10,000. Walaubagaimanapun, bayaran hanya dijelaskan pada 15 Februari 2016.

- 1) Bilakah belanja diiktiraf?
- 2) Nyatakan catatan bergu yang terlibat pada 15 Disember 2015 & 15 Februari 2016.
- 3) Bagaimanakah jumlah sewaan RM10,000 ditunjukkan pada Penyata Kedudukan Kewangan berakhir 31.12.2015

Soalan 4

Pada 1 Disember 2015 Jabatan B membuat pembayaran premium insuran kebakaran bangunan untuk 12 bulan bagi tempoh Disember 2015-November 2016 bernilai RM12,000.

Nyatakan catatan bergu yang terlibat pada:

- 1) 1 Disember 2015
- 2) 31 Disember 2015
- 3) Bagaimakah baki insuran ditunjukkan pada Penyata Kedudukan Kewangan berakhir 31.12.2015.

Soalan 5



Bayaran emolument kakitangan awam bagi bulan Mei 2017 berjumlah RM17.2 billion.

Tarikh-tarikh proses gaji oleh Pejabat Perakaunan adalah seperti berikut:

Kew 8 dihantar ke Unit Gaji --- 20 Mac 2017

Kunci masuk SG 20 --- 10 April 2017

Simulation Gaji --- 14 April 2017

Payment Run --- 20 April 2017

- (1) Bilakah belanja diiktiraf?
- (2) Nyatakan catatan bergu yang terlibat

Soalan 6

PTJ A telah membeli dan menerima sebuah peralatan berharga RM23,500 pada 31 Januari2017.

Tambahan RM1,000 dikenakan untuk kos penghantaran dan RM20,000 kos pemasangan.Peralatan berkenaan mempunyai usia guna selama 10 tahun dan di anggarkan tidak mempunyai nilai sisa.

- (1) Kirakan susutnilai tahunan bagi peralatan tersebut
- (2) Nyatakan catatan bergu yang terlibat

Soalan 7

Jabatan A mengeluarkan Pesanan Tempatan pada 30 Jun 2016 bagi pembelian alat tulis berjumlah RM1,000. Barang diterima bersama invois dan Nota Kredit berjumlah RM 200 pada 7 Julai 2016.

Pembayaran dibuat kepada pembekal pada 15 Julai 2016.

Mengikut prinsip perakaunan akruan, nyatakan amaun dan tarikh perbelanjaan diiktiraf.

**RM 1,000
7 Julai 2016**

**RM 800
7 Julai 2016**

**RM 800
15 Julai 2016**

Soalan 8

Jabatan X yang terletak di Presint 2, Putrajaya telah beroperasi mulai Mei 2001. Pada September 2016, terdapat kebocoran atap kesan daripada kejadian ribut yang kuat menyebabkan tingkat atas tidak dapat digunakan seperti biasa.

Mesyuarat Pengurusan Jabatan X telah memutuskan supaya pembaikan dibuat ke atas atap yang bocor berkenaan. Kos pembaikan atap yang dikenakan oleh pihak kontraktor adalah sebanyak RM10,400.

Nyatakan jenis pengiktirafan bagi kos pembaikan atap tersebut?

**Belanja
Modal**

**Belanja
Operasi**

**Belanja
Pembaikan**

Soalan 9

Pada 1 Julai 2016, Puan Rokiah telah bersara wajib setelah berkhidmat selama 31 tahun. JPA telah membuat semakan dan amaun pencen yang perlu dibayar kepada beliau setiap bulan adalah sebanyak RM1,500.00 mulai Ogos 2016.

Sehingga 31 Disember 2016, JPA masih belum membuat sebarang pembayaran pencen kepada Puan Rokiah.

Nyatakan jenis pengiktirafan bagi tunggakan pencen Puan Rokiah beserta amaun bagi tahun 2016?

**Liabiliti Jangka
Panjang
RM9,000**

**Liabiliti
Kontijen
RM9,000**

**Liabiliti
Semasa
RM9,000**

EDISI 2021



INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROGRAM PERAKAUNAN & KEWANGAN

TERIMA KASIH

A stylized illustration of a traditional Malayan building with intricate carvings and a red roof, surrounded by lush green palm trees under a bright sun.

MORE INFO

www.ipn.gov.my

